

Majlis Pelancaran Projek Pengurusan Sisa Lestari "Black Soldier Fly" di bawah Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon

17 Mac 2022, Kota Bharu – Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kelantan Utilities Mubaarak Holdings Sdn. Bhd. (KUMH) telah mengadakan Majlis Perasmian Projek Pengurusan Sisa Lestari "Black Soldier Fly" dan Program Komuniti Lestari (PKL) yang berkonsepkan Desa Barakah dan Kelestarian Alam Sekitar telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air dan disaksikan oleh YB Ustaz Haji Tuan Mohd Saripudin Bin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan.

Projek BSF ini telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) dan dibiayai oleh Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) di bawah KASA, melalui MGTC. *Black Soldier Fly* atau nama saintifiknya *Hermetia Illucens*, adalah spesies lalat yang terdapat di seluruh dunia terutamanya di kawasan beriklim tropika. Ia dapat memproses pelbagai jenis bahan buangan organik harian. Larva-larva spesies lalat ini adalah model terbaik digunakan untuk kaedah melupuskan sisa-sisa makanan secara lestari. Penggunaan sistem BSF mampu membantu mengurangkan pembuangan sampah makanan ke tapak pelupusan sampah.

Fasiliti BSF ini yang berfungsi dengan memproses hasil pungutan sisa dari Pasar Borong Manal dan Pasar Besar Bandar Tanah Merah dan dijangka dapat mengurangkan penjana 5 tan sehari sampah yang dibuang ke tapak pelupusan yang berpotensi untuk mengurangkan pembebasan sebanyak 3 tan karbon dioksida setara dalam sehari. Selain itu, fasiliti ini juga dapat menghasilkan baja kompos bagi menggantikan baja kimia untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan dan komersil, dan mampu mengurangkan kos membeli makanan haiwan ternakan yang ada di pasaran kerana BSF dapat dijadikan sumber alternatif bagi makanan ternakan ayam dan ikan.

Manakala Program Komuniti Lestari Mukim Pulau Gajah merupakan projek rintis ini yang akan dilaksanakan oleh MGTC dengan kerjasama KUM. Program ini juga akan mendapatkan kepakaran dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti Universiti Malaysia Kelantan, Jabatan Pertanian, Kraftangan Malaysia, Persatuan Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) dan Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Objektif pelaksanaan Program Komunikasi Lestari (PKL) ini antara lain adalah untuk menjadikan Masjid Ar-Rahman Mukim Pulau Gajah sebagai Rumah Ibadat Hijau, pusat kelestarian dan penyebaran ilmu dalam aspek alam sekitar dan kekeluargaan serta membangunkan komuniti mithali/contoh untuk merealisasikan Islam sebagai al-din dalam kehidupan masyarakat desa secara komprehensif, bersepadu, terancang, sistematik dan lestari.

Membangunkan bandar dan komuniti yang inklusif, berdaya tahan, berdaya saing dan lestari adalah penting untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan menjelang 2030 (Sustainable Development Goals by 2030), menghapuskan kemiskinan tegar serta meningkatkan kemakmuran bersama di peringkat tempatan dan nasional. Usaha ini adalah baik dan bertepatan memandangkan Mukim Pulau Gajah sekarang ini telah menjadi tempat tumpuan pelancong dalam dan luar negara dengan adanya Masjid Ar Rahman, Pantai Nusuk, Pasar Terapung Pengkalan Datu, Perusahaan Madu Kelulut, Pasar Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Perahu Kolek Kampung Nelayan. Ini secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan di Negeri Kelantan.

Mengenai kami



Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungan Media

Intan Syazwani Isa
Head of Corporate Communications
MGTC
012-7023110
comms@mgtc.gov.my